



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGUNAAN PUSAT AKSES SEKOLAH DALAM KALANGAN MURID
SEKOLAH RENDAH DI DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA**

SYAZA HAZWANI BT ZAINI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Kertas Projek Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada
Keperluan Bagi Ijazah Sarjana Pendidikan Dalam Bidang Teknologi
Pendidikan di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia**

November 2010



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknologi
Pendidikan)

**PENGUNAAN PUSAT AKSES SEKOLAH DALAM KALANGAN
MURID SEKOLAH RENDAH DI DAERAH MELAKA TENGAH,
MELAKA**

Oleh

SYAZA HAZWANI BT ZAINI

November 2010



Penyelia : Dr Shaffe bin Mohd Daud

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Pelaksanaan Pusat Akses Sekolah merupakan salah satu daripada pelbagai inisiatif Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menyediakan infrastruktur ICT yang mencukupi bagi menjayakan program Pembestarian Sekolah. Oleh demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Melaka Tengah, Melaka. Kajian ini memfokuskan kepada literasi ICT murid, penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid serta sikap murid terhadap Pusat Akses Sekolah.



Kajian yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian ini telah melibatkan sampel sebanyak 545 orang murid Tahun 5 yang terdiri daripada 263 orang murid lelaki dan 282 orang murid perempuan dari 8 buah sekolah rendah di daerah Melaka Tengah, Melaka. Data kajian telah dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Hasil analisa dapatan kajian telah dihuraikan dalam bentuk statistik diskriptif iaitu taburan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai manakala Ujian-t Tak Bersandar dan Ujian Korelasi Pearson dijalankan bagi mengenalpasti perbezaan dan hubungan antara pembolehubah.

Hasil analisa kajian mendapati bahawa tahap literasi ICT murid dan tahap penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid berada pada tahap sederhana. Seterusnya, sikap murid terhadap Pusat Akses Sekolah adalah positif dan berada pada tahap tinggi. Analisa kajian turut mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan bagi min literasi ICT dan min sikap terhadap Pusat Akses Sekolah antara murid sekolah rendah bandar dengan luar bandar manakala terdapat perbezaan signifikan bagi min penggunaan Pusat Akses Sekolah antara kumpulan murid kedua-dua jenis sekolah tersebut.

Selain itu, terdapat perbezaan signifikan bagi min penggunaan Pusat Akses Sekolah dan sikap terhadap Pusat Akses Sekolah antara murid lelaki dan perempuan manakala tidak terdapat perbezaan signifikan bagi min literasi ICT antara kedua-dua gender tersebut. Seterusnya, analisa kajian turut mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana antara literasi ICT murid dengan penggunaan Pusat Akses Sekolah manakala terdapat hubungan positif yang lemah antara sikap murid terhadap penggunaan Pusat Akses Sekolah dengan penggunaan Pusat Akses Sekolah.

Kajian ini diharap akan mendapat perhatian Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memastikan pelaksanaan Pusat Akses Sekolah dapat dimanfaatkan secara



optimum agar pembudayaan ICT di sekolah dapat dilaksanakan dengan jayanya.





Abstract of thesis presented to Senate University Putra Malaysia in fulfilment
the requirement for the degree of Master Education (Educational Technology)

USE OF SCHOOL ACCESS CENTER AMONG THE PRIMARY SCHOOL STUDENTS IN MELAKA TENGAH DISTRICT, MELAKA

By

SYAZA HAZWANI BT ZAINI

November 2010



Supervisor : Dr Shaffe bin Mohd Daud

Faculty : Educational Studies

School Access Center is one of the Ministry of Education's initiatives for upgrading Malaysian schools. It had been implemented in *Pembestarian Sekolah* programme. Thus, this study is purposely to recognize the use of School Access Center. It had been done in several chosen primary schools in Melaka Tengah district at Melaka. It was focused on students' ICT literacy, use of School Access Center and students' behaviour towards School Access Center.

The research involved 545 Standard Five students as its sample which includes 263 boys and 282 girls from eight different primary schools in Melaka Tengah district. It used questionnaire as study instrument. Statistical





Package for the Social Science (SPSS) software has been used to analyze data obtained. Results of the study have been revealed in descriptive statistic data which is frequency, percentage, mean, and standard deviation while T-Test and Pearson Correlation Test are done for determining the differences and correlation between the variables.

Result of this paper indicated the level of students' ICT literacy and use of School Access Center level are moderate while level of students' behaviour towards School Access Center is positive and in high state. Analysis also showed that there are no differences in mean of students' ICT literacy and mean of behaviour towards School Access Center between urban and rural primary schools. However, there is slight dissimilarity in use of School Access Center mean between those two types of schools. Besides, there are divergences in mean of use of School Access Center and mean of behaviour towards School Access Center between genders, however there is no differences in mean of students' ICT literacy between the two genders. The study also found that there is a positive and moderate relationship between students' ICT literacy with use of School Access Center. Apart from that, there is a positive and weak relationship between students' behaviour towards School Access Center with use of School Access Center.

Hopefully this study could make Ministry of Education realized that School Access Center is important in optimizing ICT literacy in schools.





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi atas segala nikmat, rahmat dan inayahNya, akhirnya kertas projek ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada Dr Shaffe Mohd Daud selaku penyelia kertas projek atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM atas ilmu yang dicurahkan terutamanya kepada Dr Ahmad Fauzi Mohd Ayub. Ribuan terima kasih juga dirakamkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Melaka, pentadbir serta murid Tahun 5 sekolah rendah di daerah Melaka Tengah, Melaka atas segala kerjasama yang telah diberikan dalam usaha saya menyiapkan kertas projek.

Dedikasi penghargaan ini juga ditujukan kepada suami tercinta, Fadhli Zil Ikram Mohd Fauzi serta ibu bapa tersayang, Zaini A.Hasan dan Siti Saliha Dewa atas segala pengorbanan, nasihat serta sokongan yang diberikan dan doa yang dipanjatkan selama ini. Sesungguhnya kejayaan ini milik kita bersama.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, terima kasih atas sumbangan idea dan berkongsi semangat yang sama. Akhir sekali kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan kertas projek ini. Segala kerjasama dan jasa baik kalian akan dikenang selamanya. Hanya Allah yang mampu membalasnya. InsyaAllah.



PENGESAHAN PENYELIA

Saya mengesahkan bahawa saya telah memeriksa kertas projek yang bertajuk “Penggunaan Pusat Akses Sekolah Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Di Daerah Melaka Tengah, Melaka” oleh Syaza Hazwani bt Zaini. Saya memperakui bahawa kertas projek ini diterima bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan) di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

DR SHAFFE BIN MOHD DAUD

Tarikh:



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa kertas projek ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa kertas projek ini tidak pernah dikemukakan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



SYAZA HAZWANI BT ZAINI

Tarikh:



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN PENYELIA	viii
PERAKUAN	ix
KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Batasan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Definisi Konsep	14
1.7.1 Pusat Akses Sekolah	14
1.7.2 Murid Sekolah Rendah	14
1.7.3 Literasi ICT	15
1.7.4 Penggunaan	15
1.7.5 Sikap	16
1.8 Penutup	16
Tinjauan Literatur	17
2.1 Pendahuluan	17
2.2 Pembudayaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pendidikan	17
2.2.1 Perkembangan ICT dalam Pendidikan	21

2.3	Literasi ICT	24
2.4	Sikap Terhadap ICT	27
2.5	Penggunaan ICT dalam Pendidikan	30
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	32
2.6.1	Teori Penyebaran Inovasi	33
2.6.2	Model Penerimaan Teknologi	34
2.7	Penutup	37

METODOLOGI KAJIAN 39

3.1	Pendahuluan	39
3.2	Reka bentuk Kajian	39
3.3	Populasi dan Persampelan	40
3.4	Lokasi Kajian	43
3.5	Instrumen Kajian	44
3.6	Kesahan Instrumen	47
3.7	Kajian Rintis	48
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	50
3.9	Kaedah Analisis Data	50
3.10	Penutup	52

DAPATAN KAJIAN 53

4.1	Pendahuluan	53
4.2	Maklumat Am Responden	54
4.2.1.	Lokasi Sekolah	54
4.2.2	Gender	55
4.2.3	Pemilikan Komputer	55
4.2.4	Sambungan Internet	56
4.2.5	Pengalaman Menggunakan Komputer	56
4.2.6	Purata Penggunaan Komputer Sehari	57
4.2.7	Purata Penggunaan Komputer Untuk Melayari Internet	58



4.2.8	Tujuan Penggunaan Internet	59
4.2.9	Mengunjungi Kafe Siber	61
4.2.10	Kekerapan Mengunjungi Kafe Siber	61
4.2.11	Mengunjungi Pusat Akses Sekolah	62
4.2.12	Kekerapan Mengunjungi Pusat Akses Sekolah	62
4.2.13	Lokasi Pusat Akses Sekolah	63
4.3	Tahap Literasi ICT Murid	64
4.3.1	Kemahiran Asas Operasi Komputer	65
4.3.2	Kemahiran Pemprosesan Perkataan	66
4.3.3	Kemahiran Hampanan Data	68
4.3.4	Kemahiran Internet	70
4.4	Penggunaan Pusat Akses Sekolah	72
4.4.1	Penggunaan Pusat Akses Sekolah Untuk Tujuan Akademik	73
4.4.2	Penggunaan Pusat Akses Sekolah Bukan Untuk Tujuan Akademik	75
4.5	Sikap Murid Terhadap Pusat Akses Sekolah	77
4.5.1	Konstruk Kepentingan Pusat Akses Sekolah Terhadap Murid	78
4.5.2	Konstruk Keseronokan Murid Menggunakan Pusat Akses Sekolah	81
4.5.3	Konstruk Kerisauan Murid Menggunakan Pusat Akses Sekolah	82
4.6	Perbandingan Literasi ICT Antara Murid Sekolah Rendah Bandar dan Murid Sekolah Rendah Luar Bandar	84
4.7	Perbandingan Penggunaan Pusat Akses Sekolah Antara Murid Sekolah Rendah Bandar dan Murid Sekolah Rendah Luar Bandar	85
4.8	Perbandingan Sikap Terhadap Pusat Akses Sekolah antara Murid Sekolah Rendah Bandar dan Murid Sekolah Rendah Luar Bandar	86



4.9	Perbandingan Literasi ICT Antara Murid Lelaki dan Murid Perempuan	87
4.10	Perbandingan Penggunaan Pusat Akses Sekolah Antara Murid Lelaki dan Murid Perempuan	88
4.11	Perbandingan Sikap Terhadap Pusat Akses Sekolah antara Murid Sekolah Rendah Bandar dan Murid Lelaki dan Murid Perempuan	89
4.12	Hubungan Antara Literasi ICT Murid dengan Penggunaan Pusat Akses Sekolah	90
4.13	Hubungan Antara Sikap Murid Terhadap Pusat Akses Sekolah dengan Penggunaan Pusat Akses Sekolah	91
4.14	Penutup	91
PERBINCANGAN, RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN		93
5.1	Pendahuluan	93
5.2	Perbincangan	93
5.2.1	Literasi ICT Murid	93
5.2.2	Penggunaan Pusat Akses Sekolah	95
5.2.3	Sikap Terhadap Pusat Akses Sekolah	97
5.2.4	Hubungan Antara Literasi ICT dan Sikap Murid Terhadap Pusat Akses Sekolah dengan Penggunaan Pusat Akses Sekolah	98
5.3	Rumusan	100
5.4	Kesimpulan	101
5.5	Cadangan	102
5.6	Penutup	105
BIBLIOGRAFI		106
LAMPIRAN		

**SENARAI JADUAL**

Jadual		Muka Surat
1	Jumlah Murid Tahun Lima dan Senarai Sekolah Rendah di Daerah Melaka Tengah yang Mempunyai Pusat Akses Sekolah	41
2	Taburan Sampel Kajian Mengikut Sekolah	43
3	Skala Penilaian	46
4	Nilai Alpha Cronbach bagi Menentukan Kebolehpercayaan Instrumen	49
5	Skala Aras Skor Berdasarkan Skor Min	51
6	Nilai Pekali Korelasi Pearson	52
7	Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	55
8	Taburan Responden Mengikut Gender	55
9	Taburan Responden Mengikut Pemilikan Komputer	55
10	Taburan Responden Mengikut Capaian Internet di Rumah	56
11	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Menggunakan Komputer	57
12	Taburan Responden Mengikut Purata Penggunaan Komputer Sehari	57
13	Taburan Responden Mengikut Purata Penggunaan Komputer untuk Melayari Internet	58
14	Taburan Responden Mengikut Tujuan Penggunaan Internet	60
15	Taburan Responden Mengikut Kunjungan ke Kafe Siber	61



Jadual		Muka Surat
16	Taburan Responden Mengikut Kekerapan Mengunjungi Kafe Siber	61
17	Taburan Responden Mengikut Kunjungan ke Pusat Akses Sekolah	62
18	Taburan Responden Mengikut Kekerapan Mengunjungi Kafe Pusat Akses Sekolah	63
19	Taburan Responden Mengikut Lokasi Pusat Akses Sekolah	63
20	Tahap Literasi ICT Murid	64
21	Literasi ICT Murid (Dimensi Kemahiran Asas Operasi Komputer)	66
22	Literasi ICT Murid (Konstruk Kemahiran Pemprosesan Perkataan)	67
23	Literasi ICT Murid (Konstruk Kemahiran Hamparan Data)	79
24	Literasi ICT Murid (Konstruk Kemahiran Internet)	71
25	Tahap Penggunaan Pusat Akses Sekolah	72
26	Penggunaan Pusat Akses Sekolah untuk Tujuan Akademik	74
27	Penggunaan Pusat Akses Sekolah Bukan Untuk Tujuan Akademik	76
28	Tahap Sikap Murid Terhadap Pusat Akses Sekolah	78
29	Sikap Murid terhadap Pusat Akses Sekolah (Konstruk Kepentingan)	79
30	Sikap Murid terhadap Pusat Akses Sekolah (Konstruk Keseronokan)	81

**Jadual****Muka Surat**

31	Sikap Murid terhadap Pusat Akses Sekolah (Konstruk Kerisauan)	83
32	Ujian-t Tak Bersandar Min Literasi ICT Murid Mengikut Lokasi Sekolah	84
33	Ujian-t Tak Bersandar Min Penggunaan Pusat Akses Sekolah Mengikut Lokasi Sekolah	85
34	Ujian-t Tak Bersandar Min Sikap Murid terhadap Pusat Akses Sekolah Mengikut Lokasi Sekolah	86
35	Ujian-t Tak Bersandar Min Literasi ICT Murid Mengikut Gender	87
36	Ujian-t Tak Bersandar Min Penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam kalangan Murid Mengikut Gender	88
37	Ujian-t Tak Bersandar Min Sikap Murid terhadap Pusat Akses Sekolah dalam kalangan Murid Mengikut Gender	89
38	Ujian Korelasi Pearson bagi Min Literasi ICT dengan Min Penggunaan Pusat Akses Sekolah	90
39	Ujian Korelasi Pearson bagi Sikap Murid terhadap Pusat Akses Sekolah dengan Min Penggunaan Pusat Akses Sekolah	91





SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1	Model Penerimaan Teknologi	36
2	Kerangka Teori Kajian	37





SENARAI SINGKATAN

BTP	BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN
ICT	TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
JPN	JABATAN PELAJARAN NEGERI
KBSM	KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH
KPM	KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
MPTM	MATA PELAJARAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
MSC	KORIDOR RAYA MULTIMEDIA
P&P	PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
PIBG	PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU
PPD	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH
PKG	PUSAT KEGIATAN GURU
RMK-8	RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN
RMK-9	RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN
SPSS	<i>STATISTICAL PACKAGE FOR THE SOCIAL SCIENCE</i>
TAM	MODEL PENERIMAAN TEKNOLOGI
TRA	TEORI TINDAKAN BERSEBAB





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pengenalan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 1997 yang lalu telah memperkenalkan kita kepada tujuh aplikasi perdana yang perlu digapai menjelang tahun 2020. Ini merupakan satu anjakan paradigma ke arah melahirkan generasi yang bermaklumat dan berpengetahuan tinggi dalam bidang teknologi maklumat. Tun Dr. Mahathir Mohamad mantan Perdana Menteri Malaysia semasa ucapannya di Majlis Pelancaran MSC pada 1 Ogos 1996 telah menyatakan keyakinan bahawa Malaysia mampu menjadi peneraju dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sekiranya rakyat berganding bahu menjayakan matlamat tersebut. Beliau juga menegaskan bahawa jika semua pihak menguasai ICT, maka Malaysia mampu melahirkan teknokrat bertaraf dunia, di samping membentuk generasi cemerlang yang mempunyai daya kreativiti serta berdaya saing di peringkat global.

Selari dengan ledakan terhadap penggunaan ICT pada hari ini, fenomena ini sedikit sebanyak turut membantu kepada kemajuan pendidikan yang semakin hari dipengaruhi oleh elemen teknologi maklumat khususnya dalam penggunaan komputer dan telekomunikasi. Penggunaan ICT ini mengharuskan murid agar berupaya memandu proses pembelajaran mereka dalam persekitaran pembelajaran





elektronik manakala pendidik perlu bersiap sedia menyatupadukan penggunaan teknologi maklumat dalam strategi pengajaran.

Sehubungan dengan itu, kerajaan berhasrat untuk membestarikan semua sekolah di seluruh negara melalui program Pembestarian Sekolah. Pembestarian Sekolah ini didefinisikan oleh Yusuf Harun, Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) sebagai proses membudayakan penggunaan teknologi (Utusan Malaysia, 12 April 2007). Teknologi yang dimaksudkan bukan hanya merujuk kepada penggunaan komputer tetapi juga peralatan mengajar, kamera digital, televisyen, buku dan sebagainya. Oleh yang demikian dapat dijelaskan bahawa pembestarian sekolah ini merupakan satu proses yang berterusan untuk membudayakan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



Ini selaras dengan definisi seperti mana yang dinyatakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) yang merujuk Program Pembestarian Sekolah sebagai 'proses berterusan ke arah meningkatkan lagi penggunaan ICT dalam pendidikan dengan memberi fokus pada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P), keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah dan kompetensi guru'.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam menyediakan infrastruktur ICT yang mencukupi bagi menjayakan program ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi yang mahir dalam bidang ICT. Komponen utama Pembestarian Sekolah memfokuskan kepada P&P serta pengurusan sekolah berbantuan ICT. Aktiviti murid dalam bilik darjah yang berpusatkan guru, diubah kepada pendekatan berpusatkan murid. Guru





bertindak sebagai fasilitator dan murid memainkan peranan penting dalam proses mencari maklumat dan bahan rujukan yang perlu dengan menggunakan aplikasi ICT dan internet.

Program Pembestarian Sekolah ini melibatkan penggunaan ICT secara sepenuhnya dalam proses P&P di sekolah. Antara projek yang telah dilaksanakan oleh KPM di sekolah-sekolah adalah seperti berikut:

1. Projek Makmal Komputer Sekolah
2. Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)
3. Rangkaian SchoolNet
4. Rancangan TV pendidikan
5. Projek Rintis Sekolah Bestari
6. ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran
7. Mata Pelajaran yang Berasaskan ICT
8. Perkongsian Pintar dengan Syarikat Swasta
9. Latihan ICT Guru
10. Pengurusan Perubahan bagi Guru dan Pentadbir Sekolah

Program Pembestarian Sekolah ini dijalankan secara berperingkat dan mengikut fasa berdasarkan keutamaan dan keupayaan KPM dengan mengambil kira kesediaan sekolah. Seterusnya, menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dengan peruntukan sebanyak RM120 juta, agenda program pendidikan terbaru yang dilaksanakan oleh KPM dalam usaha untuk membestarikan semua sekolah di seluruh





negara ialah melalui penubuhan Pusat Akses Sekolah secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2006 (Utusan Malaysia, 12 April 2007).

Bahagian Teknologi Pendidikan (2006) telah menjelaskan dalam Panduan Penggunaan Pusat Akses Sekolah bahawa penubuhan sesebuah Pusat Akses Sekolah adalah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8/2000 Panduan Penubuhan dan Pengurusan Kelab Komputer/ Teknologi Maklumat Sekolah. Selain itu, Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 1/2003 berkenaan Garis Panduan mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan serta Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3/2005 Penyelarasan Waktu Mengajar bagi Guru Penyelaras Bestari serta Guru Perpustakaan dan Media Sekolah pula dijadikan sebagai panduan pelaksanaan Pusat Akses Sekolah. Ini kerana Pusat Akses Sekolah juga merupakan satu bentuk sokongan kepada proses pengajaran dan pembelajaran dalam membudayakan penggunaan ICT di sekolah.

Penubuhan Pusat Akses Sekolah antara lain bertujuan untuk menjayakan program Pembestarian Sekolah di samping bermatlamat untuk membudayakan penggunaan ICT di sekolah, mengurangkan nisbah komputer dengan murid dan meningkatkan masa penggunaan (*contact hours*) komputer oleh murid. Objektif Pusat Akses Sekolah adalah untuk meningkatkan kemahiran murid dalam mencapai maklumat, membolehkan murid melaksanakan pembelajaran sendiri, terarah sendiri dan akses sendiri dengan lebih berkesan serta meningkatkan penggunaan dan penguasaan kemahiran ICT murid untuk P&P.





Agihan penubuhan Pusat Akses Sekolah meliputi 70% sekolah luar bandar dan 30% lagi di bandar manakala dari jumlah tersebut, 70% daripada jumlah sekolah yang dipilih merupakan sekolah rendah manakala baki sebanyak 30% adalah sekolah menengah (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2006). Ini merupakan langkah kerajaan untuk merapatkan jurang digital murid antara kawasan bandar dan luar bandar, Setiap sekolah yang mempunyai Pusat Akses Sekolah dibekalkan oleh KPM dengan sepuluh buah komputer dan sebuah pencetak di samping sumber digital lain.

Pelaksanaan Pusat Akses Sekolah adalah antara usaha kerajaan untuk membolehkan warga sekolah khususnya murid-murid mendapatkan maklumat dan berkomunikasi melalui penggunaan teknologi maklumat. Berbeza dengan makmal komputer, Pusat Akses Sekolah memberi lebih ruang kepada murid untuk mengenali ICT dan pada masa yang sama ia mungkin boleh dikongsi oleh ibu bapa satu hari kelak. Melalui kemudahan pusat akses ala 'kafe siber terkawal' ini, murid berpeluang mengakses komputer bagi pelbagai tujuan pembelajaran seperti pencarian maklumat daripada Internet untuk menyiapkan tugas, menggunakan bahan sumber digital, melayari portal pendidikan dan sebagainya .

Bahagian Teknologi Pendidikan (2006) menjelaskan terdapat tiga sumber bahan pengajaran dan pembelajaran yang boleh didapati di pusat akses tersebut dalam membantu murid ke arah pembelajaran sendiri iaitu akses sendiri, kadar sendiri dan terarah sendiri. Bahan-bahan tersebut ialah:

1. Bahan yang dimuat turun melalui penggunaan enjin pencari maklumat Internet seperti *Google*, *Yahoo*, *Altavista*, dan sebagainya





2. Portal Pendidikan untuk mendapatkan maklumat khusus seperti portal BTP, *MySchoolNet*, *MyTutor*, *Online Smart Learning*, dan sebagainya
3. Bahan pembelajaran digital dalam bentuk CD/VCD/DVD/CD seperti perisian kursus, perisian interaktif dan perisian berbentuk maklumat

Seterusnya, antara aktiviti yang dicadangkan BTP agar murid boleh mendapat manfaat apabila menggunakan Pusat Akses Sekolah ialah:

1. Menjalankan kelas ICT untuk mempertingkatkan kemahiran murid
2. Mencari maklumat daripada Internet untuk pembelajaran
3. Mengakses sumber maklumat seperti buku-buku, bahan bercetak atau bahan digital yang berkaitan
4. Menggunakan perisian ICT seperti *Microsoft Word*, *Microsoft Excel* dan *Microsoft PowerPoint* untuk membuat tugas
5. Melayari portal pendidikan seperti *EduWebTV*, *MySchoolNet*, *MyTutor* dan sebagainya
6. Berkomunikasi dengan guru dan murid lain melalui e-mel

Proses pembelajaran di Pusat Akses Sekolah boleh berlaku pada bila-bila masa. Murid boleh menggunakan kemudahan Pusat Akses Sekolah pada waktu terluang mereka dan guru bertindak sebagai pemudah cara dengan membuat pemantauan dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, Pusat Akses Sekolah diharap dapat memenuhi gaya pembelajaran murid yang pelbagai dan seterusnya dapat mempertingkatkan mutu pendidikan ke arah pembentukan masyarakat celik maklumat dan berdaya maju menerusi pendidikan sepanjang hayat.





1.2 Penyataan Masalah

Dalam menjayakan program Pusat Akses Sekolah, Datuk Seri Hishammuddin Hussein ketika itu Menteri Pelajaran Malaysia telah menyatakan dalam Berita Harian (2 Oktober 2006) bahawa pada fasa pertama sahaja sebanyak 1,500 buah sekolah telah dibekalkan dengan 15,000 unit komputer, 1,500 unit pencetak, perabot dan infrastruktur dengan kos sebanyak RM70 juta. Dalam fasa seterusnya iaitu pada tahun 2007, sebanyak 12,900 unit komputer lagi dibekalkan kepada 1,290 sekolah secara berperingkat-peringkat. Pusat akses lebih banyak diwujudkan di sekolah luar bandar memandangkan sekolah di bandar sudah jauh ke depan dalam menikmati kemudahan ICT sama ada dibekalkan oleh kerajaan atau pihak ketiga. Sehubungan itu sekiranya projek ini berjaya dilaksanakan di semua sekolah kelak, ia secara langsung akan membantu mengurangkan jurang penguasaan kemahiran ICT antara pelajar di bandar dan luar bandar.



Dengan adanya kemahiran ICT dalam kalangan murid, mereka boleh mencari maklumat daripada Internet, mengakses sumber maklumat seperti buku-buku, bahan bercetak atau bahan digital yang berkaitan (e-pembelajaran), menyediakan tugas dan slaid persembahan berkaitan dengan pembelajaran, berkomunikasi dengan guru dan murid lain melalui e-mel serta berkolaborasi dengan pelajar lain. Dengan tertubuhnya Pusat Akses Sekolah diharap dapat membantu murid-murid menguasai ICT dengan lebih baik.

Ini kerana walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh KPM bagi membudayakan ICT dalam pendidikan, namun hasilnya masih belum





memberansangkan. Hasil kajian oleh Wan Zah Wan Ali, Hajar Mohd Nor, Azimi Hamzah dan Nor Hayati Alwi (2006) mendapati setelah tujuh tahun Sekolah Bestari dilancarkan, pengintegrasian ICT dalam pendidikan masih berada pada tahap rendah. Antara faktor yang menjadi penghalang kepada pengintegrasian ICT adalah kurangnya sumber ICT di sekolah termasuk komputer untuk kegunaan guru dan murid, makmal komputer, kakitangan khas dan pembantu serta guru-guru terlatih dalam bidang ICT (Williams, Wilson, Richardson & Tuson, 2000; Robiah Sidin & Nor Sakinah, 2002; Norin Mustaffa, 2004). Justeru, dengan adanya kemudahan ICT yang disediakan di Pusat Akses Sekolah membolehkan warga sekolah terutamanya murid-murid menggunakan ICT secara optimum bagi membudayakan penggunaan ICT.



Sehubungan dengan itu, KPM menyerahkan kepada budi bicara pihak sekolah untuk mewujudkan pusat akses yang dilihat bukan satu masalah besar selain mengekalkan makmal komputer yang sedia ada. Di samping itu, pihak sekolah perlu mengambil kira soal keselamatan kerana selepas program tersebut dilaksanakan, isu dari segi insurans, sewa atau jual beli serta menaik taraf kemudahan tersebut masih dalam perbincangan. Namun, apa yang membimbangkan ialah jika segala kemudahan yang disediakan tidak diakses menyebabkan perancangan kerajaan untuk melahirkan masyarakat celik komputer terbantut (Berita Harian, 2006).

Setelah enam tahun penubuhan Pusat Akses Sekolah di sekolah-sekolah terpilih, kesan pelaksanaannya masih menjadi tanda tanya. Hal ini kerana, pelaksanaan Pusat Akses Sekolah yang masih baru dalam pendidikan ini belum dapat dikenal pasti sejauh mana ianya dapat membantu dalam membudayakan penggunaan





ICT dalam kalangan murid. Terdapat satu kajian tindakan yang dilaksanakan oleh Mohd Mustafa Mobarak Ali (2008) berkenaan masalah Internet di Pusat Akses Sekolah sehingga menyukarkan murid melayari Internet menyebabkan penggunaan Pusat Akses Sekolah menurun. Memandangkan Pusat Akses Sekolah dibina secara berperingkat-peringkat dalam tiga fasa menyebabkan pusat akses tidak dapat disiapkan mengikut perancangan dan timbul pelbagai masalah sehingga seringkali berlaku gangguan capaian Internet dan kerosakan perkakasan ICT lain. Justeru, satu kajian perlu dijalankan bagi mengenal pasti penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid bagi memastikan matlamat penubuhannya dapat dicapai dengan jayanya.



1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam menyokong pembudayaan ICT di sekolah. Tinjauan ini dilihat dari segi literasi ICT murid, penggunaan Pusat Akses Sekolah serta sikap murid terhadap Pusat Akses Sekolah. Secara khusus, beberapa objektif telah dikenalpasti untuk dikaji iaitu;

1. Menenal pasti tahap literasi ICT murid sekolah rendah yang menggunakan Pusat Akses Sekolah
2. Menenal pasti tahap penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid sekolah rendah
3. Menenal pasti tahap sikap murid sekolah rendah terhadap penggunaan Pusat Akses Sekolah





4. Membandingkan literasi ICT dalam kalangan murid sekolah rendah bandar dan murid sekolah rendah luar bandar
5. Membandingkan penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid sekolah rendah bandar dan murid sekolah rendah luar bandar
6. Membandingkan sikap terhadap Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid sekolah rendah bandar dan murid sekolah rendah luar bandar
7. Membandingkan literasi ICT dalam kalangan murid sekolah rendah lelaki dan murid sekolah rendah perempuan
8. Membandingkan penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid sekolah rendah lelaki dan murid sekolah rendah perempuan
9. Membandingkan sikap terhadap Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid sekolah rendah lelaki dan murid sekolah rendah perempuan
10. Menentukan hubungan antara literasi ICT murid sekolah rendah dengan penggunaan Pusat Akses Sekolah
11. Menentukan hubungan antara sikap murid sekolah rendah terhadap Pusat Akses Sekolah dengan penggunaan Pusat Akses Sekolah

1.4 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian perlu dijawab berdasarkan objektif yang telah dibentuk. Berikut adalah persoalan kajian yang telah dibentuk:

1. Apakah tahap literasi ICT murid sekolah rendah yang menggunakan Pusat Akses Sekolah?





2. Apakah tahap penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid sekolah rendah?
3. Apakah sikap murid sekolah rendah terhadap pelaksanaan Pusat Akses Sekolah?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara literasi ICT murid sekolah rendah di bandar dengan luar bandar yang menggunakan Pusat Akses Sekolah?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan Pusat Akses Sekolah murid sekolah rendah di bandar dengan luar bandar?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap murid sekolah rendah di bandar dengan luar bandar terhadap pelaksanaan Pusat Akses Sekolah?
7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara literasi ICT murid lelaki dengan murid perempuan yang menggunakan Pusat Akses Sekolah?
8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan Pusat Akses Sekolah murid lelaki dengan murid perempuan?
9. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap terhadap Pusat Akses Sekolah murid lelaki dengan murid perempuan?
10. Adakah terdapat hubungan antara literasi ICT murid sekolah rendah dengan penggunaan Pusat Akses Sekolah?
11. Adakah terdapat hubungan antara sikap murid sekolah rendah terhadap Pusat Akses Sekolah dengan tahap penggunaan Pusat Akses Sekolah?





1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada literasi ICT murid, penggunaan Pusat Akses Sekolah serta sikap murid terhadap Pusat Akses Sekolah. Faktor demografi yang diambil kira dalam kajian ini adalah dari aspek gender iaitu murid lelaki dan murid perempuan serta lokasi sekolah iaitu sekolah rendah kategori bandar dan luar bandar.

Kajian ini hanya dijalankan di negeri Melaka. Penyelidik telah memilih untuk menjalankan kajian di sekolah rendah yang mempunyai Pusat Akses Sekolah di daerah Melaka Tengah, Melaka. Sebanyak enam buah Pusat Kegiatan Guru (PKG) yang terlibat dalam kajian ini iaitu PKG Padang Temu, PKG Air Molek, PKG Batu Berendam, PKG Kg Gelam, PKG Cheng serta PKG Bachang.

Kajian ini melibatkan murid Tahun Lima di sekolah yang terlibat memandangkan mereka bukan berada dalam kelas peperiksaan. Selain itu, murid-murid Tahap Dua iaitu mereka yang berada di Tahun Empat, Lima dan Enam telah terlibat dengan aktiviti kokurikulum sekolah yang mana ada di antara mereka menyertai Kelab Komputer sebagai aktiviti kelab atau persatuan. Justeru, murid Tahun Lima sesuai dipilih sebagai sampel kajian disebabkan mereka telah banyak terdedah dengan penggunaan ICT sama ada di sekolah mahupun di rumah.

Dapatan kajian ini hanya akan menggambarkan penggunaan Pusat Akses Sekolah di sekolah-sekolah rendah dalam daerah Melaka Tengah sahaja dan tidak menggambarkan penggunaan Pusat Akses Sekolah di sekolah-sekolah lain.





1.6 Kepentingan Kajian

Melalui kajian yang dijalankan ini, ianya diharap dapat membantu KPM mendapat gambaran tentang penggunaan Pusat Akses Sekolah dan sokongannya bagi membudayakan penggunaan ICT dalam kalangan murid sekolah rendah dan seterusnya dapat memberi maklum balas kepada KPM bagi melaksanakan penambahbaikan terhadap program ini.

Menerusi dapatan kajian ini juga, diharap dapat memberi maklumat kepada pihak pentadbiran sekolah terutamanya Jawatankuasa Pusat Akses Sekolah berkenaan penggunaan Pusat Akses Sekolah di sekolah masing-masing. Oleh yang demikian, ini akan dapat membantu pihak sekolah dalam merancang, menyusun dan menggubal langkah-langkah yang positif bagi mengoptimumkan penggunaan Pusat Akses Sekolah. Ini selaras dengan peranannya dalam membudayakan penggunaan ICT dalam kalangan murid. Menerusi dapatan kajian ini juga akan dapat membantu pihak sekolah dalam menyediakan dan melengkapkan kemudahan ICT bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Pusat Akses Sekolah. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membuka mata sekolah lain yang mempunyai Pusat Akses Sekolah termasuk sekolah menengah dalam memastikan matlamat dan objektif penubuhan pusat akses ini dapat dicapai dengan jayanya.

Kajian ini juga diharap dapat memberi input kepada penyelidik lain yang ingin membuat kajian lanjutan berkenaan penggunaan Pusat Akses Sekolah pada masa akan datang. Justeru, kajian ini adalah sangat diperlukan dalam mengenal pasti





penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam membudayakan penggunaan ICT dalam kalangan murid sekolah rendah.

1.7 Definisi Konsep

Bahagian ini menerangkan maksud item-item penting yang digunakan dalam kajian ini. Ini akan memudahkan pembaca agar dapat memahami kajian yang dijalankan.

1.7.1 Pusat Akses Sekolah

Pusat Akses Sekolah didefinisikan sebagai satu ruang pembelajaran yang disediakan bagi membolehkan murid melaksanakan pembelajaran sendiri dan mempelbagaikan gaya pembelajaran mereka (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2006). Pusat akses ini mengamalkan konsep ala kafe siber tetapi lebih menjurus kepada pembelajaran di mana murid boleh mencari dan memilih sumber pembelajaran secara sendiri mengikut kadar sendiri, terarah sendiri dan akses sendiri. Dalam kajian ini, Pusat Akses Sekolah merujuk kepada pusat yang membolehkan murid menggunakan aplikasi komputer dan kemudahan ICT yang terdapat di sekolah.

1.7.2 Murid Sekolah Rendah

Murid sekolah rendah merujuk kepada mereka yang belajar dalam Tahun 1 hingga 6. Dalam kajian ini, murid sekolah rendah merujuk kepada murid Tahun 5 sekolah





rendah di bandar dan luar bandar di daerah Melaka Tengah, Melaka yang terlibat dalam penggunaan Pusat Akses Sekolah.

1.7.3 Literasi ICT

Panel International ICT Literacy (2002) mendefinisikan literasi ICT sebagai kebolehan individu menggunakan teknologi digital, alat komunikasi dan juga rangkaian bagi mengakses, mengurus, mengintegrasikan, menilai dan mencipta maklumat bagi membolehkan individu berfungsi dalam masyarakat berilmu. Dalam kajian ini, literasi ICT murid diukur berdasarkan kemahiran murid menggunakan empat konstruk asas dalam literasi ICT iaitu kemahiran asas operasi komputer, kemahiran pemprosesan perkataan, kemahiran hamparan data dan kemahiran Internet



1.7.4 Penggunaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga penggunaan bermaksud perihal menggunakan sesuatu. Bagi Soo Chou Har (1990) penggunaan merujuk kepada individu menggunakan perkhidmatan atau kemudahan yang ditawarkan. Dalam konteks kajian ini, penggunaan didefinisikan sebagai murid menggunakan alat, bahan, ruang dan perkhidmatan di Pusat Akses Sekolah sama ada tujuan akademik mahupun bukan akademik.





1.7.5 Sikap

Sikap merupakan suatu tindak balas atau perasaan individu terhadap tekanan persekitaran yang akan membentuk pengalaman dan akan mempengaruhi individu tersebut untuk merealisasikan pengalaman dalam bentuk perlakuan dan tindakan (Maher Mohoud Omar, 1989). Oleh itu, sikap individu terhadap ICT boleh mempengaruhi kepada penggunaan ICT. Semakin lama individu menggunakan aplikasi ICT, semakin positif sikap mereka terhadap ICT. Oleh demikian, menerusi kajian ini sikap murid terhadap Pusat Akses Sekolah diukur dalam tiga konstruk iaitu kepentingan Pusat Akses Sekolah, keseronokan serta kerisauan menggunakan Pusat Akses Sekolah.



1.8 Penutup

Berdasarkan permasalahan yang dikaji, wujud keperluan untuk mengenal pasti penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid. Kajian ini memfokuskan kepada literasi ICT murid, penggunaan Pusat Akses Sekolah dalam kalangan murid dan sikap murid terhadap Pusat Akses Sekolah. Justeru, 11 objektif kajian dan 11 persoalan kajian telah dibentuk bagi menjalankan kajian ini.

